

BAB LIMA

BAB V

PENILAIAN TERHADAP PELANGGARAN HAK ASASI MANUSIA DI ACEH DARI PERSPEKTIF SYARIAH DAN PERLEMBAGAAN NEGARA REPUBLIK INDONESIA

5.1. Pendahuluan

Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab-bab terdahulu, bahwa pelanggaran hak-hak asasi manusia di Aceh pada tahun 1989-1998 adalah sangat buruk. Tindakan ini telah menimbulkan implikasi negatif terhadap seluruh aspek kehidupan masyarakat Aceh, sama ada aspek ekonomi, politik mahupun aspek sosial. Pencerobohan-pencerobohan hak asasi manusia ini sangat bertentangan dengan Syariah dan perlembagaan Indonesia iaitu Undang-undang dasar 1945.

Oleh yang demikian, dalam bab ini penulis akan menerangkan penilaian-penilaian tentang sejauhmana pelanggaran hak asasi manusia itu bertentangan dengan Syariah dan perlembagaan Indonesia. Penilaian-penilaian ini penulis lakukan dengan mengikut buku-buku dan kitab-kitab serta pendapat penilai undang-undang dan kalangan akademik.

5.2. Penilaian Pelanggaran Hak-hak Asasi Manusia Dari Sudut Syariah

Sebagaimana yang telah diterangkan di bab II iaitu "*Konsep-konsep Hak-hak Asasi Manusia*" bahwa Syariah telah mengatur seluruh aspek kehidupan manusia,

aspek yang sangat penting iaitu perlindungan hak asasi manusia.¹ Namun demikian bila Daerah Operasi Militer (DOM) wujud di Aceh, telah terjadi pencerobohan hak asasi yang buruk terhadap masyarakat Aceh yang bertentangan dengan Syariat, seperti berlakunya pembunuhan, penganiayaan, perkosaan dan sebagainya

;

Di bawah ini akan diterangkan penilaian-penilaian mengikut Syariah merujuk pada kes-kes yang terjadi sebagaimana yang termaktub dalam Bab IV iaitu ***"Pelanggaran Hak-hak asasi Manusia di Aceh Di Bawah Daerah operasi Militer (DOM) Berasaskan Interview dan Observasi"***.

Kes-kes pembunuhan dan penganiayaan yang berlaku pada masa Daerah Operasi Militer (DOM) adalah sebagai sebuah eksekusi tanpa proses undang-undang. Umumnya yang menjadi mangsa adalah mereka yang dituduh sebagai yang menganggotai Gerakan Aceh Merdeka (GAM), kebanyakan mereka adalah penduduk miskin yang bekerja sebagai petani.

•••••

Maksud dari tindakan ini adalah untuk menimbulkan perasaan takut kepada masyarakat supaya mereka mahu bekerja sama dengan pemerintah untuk menangkap anggota Gerakan Aceh Merdeka (GAM).

¹ Abul 'Ala al-Maududi (1994), *Hukum Dan Konstitusi Sistem Politik Islam*, diterjemahkan oleh Asep Hikmat, Jakarta, Penerbit Mizan, Cetakan III, h. 72

Tindakan pembunuhan ini sangat bertentangan dengan Syariah, kerana itu merupakan pencerobohan terhadap diri dan hak manusia untuk hidup. Sebagaimana yang terdapat dalam al-Quran surah al-An'am ayat 151 :

﴿ قُلْ تَعَالَوْا أَتْلُ مَا حَرَّمَ رَبِّيَ عَلَيَّكُمْ ۖ لَا تَشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا
وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۖ وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَقِي ۖ تَحْنُ نَرِزْقُكُمْ
وَأَيَّاهُمْ ۖ وَلَا تَقْرَبُوا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ
الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ذَٰلِكُمْ وَصَدَّكُمْ بِهِ ۖ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ۝

Ertinya : Katakanlah: "Marilah kubacakan apa yang diharamkan atas kamu oleh Tuhanmu, yaitu: janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengan Dia, berbuat baiklah terhadap kedua orang ibu bapa, dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu karena takut kemiskinan. Kami akan memberi rezki kepadamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu mendekati perbuatan-perbuatan yang keji, baik yang nampak di antaranya maupun yang tersembunyi, dan janganlah kamu membunuh jiwa yang diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan sesuatu (sebab) yang benar". Demikian itu yang diperintahkan oleh Tuhanmu kepadamu supaya kamu memahami(nya).

Bahkan dalam Syariah, hak yang diperolehi terpelihara daripada pencerobohan melalui sistem perundangan Islam iaitu Qisas. Contohnya masyarakat Aceh pada masa Daerah Operasi Militer, hak untuk hidup terpelihara apabila seseorang yang membunuh atau mencederakan akan dibalas bunuh dan dengan kecederaan, kecuali jika dimaafkan

oleh keluarga (waris) kepada mangsa, maka pesalah akan dikenakan diat.² Sebagaimana yang termaktub dalam surah al-Baqarah ayat 178 :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۚ الْحُرُّ بِالْحُرِّ
وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ ۚ وَالْأُنْثَىٰ بِالْأُنْثَىٰ ۚ فَمَنْ عُفِيَ لَهُ مِنْ أَخِيهِ شَيْءٌ فَاتَّبِعْ
بِالْمَعْرُوفِ ۚ وَأَدِّ إِلَيْهِ بِإِحْسَنٍ ۚ ذَٰلِكَ تَخْفِيفٌ مِّن رَّبِّكُمْ وَرَحْمَةٌ ۚ فَمَنْ
أَعْتَدَىٰ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَلَهُ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Ertinya : Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu qishaash berkenaan dengan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka, hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita. Maka barangsiapa yang mendapat suatu pema'afan dari saudaranya, hendaklah (yang mema'afkan) mengikuti dengan cara yang baik, dan hendaklah (yang diberi ma'af) membayar (diat) kepada yang memberi ma'af dengan cara yang baik (pula). Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu dan suatu rahmat. Barangsiapa yang melampaui batas sesudah itu, maka baginya siksa yang sangat pedih.

Kes pembunuhan antaranya seperti yang dialami oleh M. Yusuf Rahman (Kampung Mee, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie, tahun 1990), kemudian pembunuhan yang dialami oleh Usman Raden (Kampung selatan, Kecamatan Batee, Kabupaten Pidie, pada 1 Januari 1991). Adalah sebagai contoh tentang pembunuhan yang dilakukan tanpa hak yang merupakan pencerobohan terhadap diri dan hak manusia untuk hidup. Hal ini sangat bertentangan dengan al-Quran Surat al-An'am Ayat 151 seperti tersebut di atas.

² Syekh Syaukat Hussain (1996), *Human Right In Islam*, India, Nusrat Ali Nasri, h. 60

Dalam Syariah, Allah juga telah menggariskan bahawa pembunuhan hanya boleh dilakukan dalam 5 peluang sahaja iaitu : (a) Qisas, (b) membunuh musuh dalam satu peperangan Islam, (c) Murtad, (d) hukuman bagi pezina muhsan, (e) hukuman bagi yang melakukan pengkhianatan berat (irtidad)³.

Kes-kes perkosaan yang terjadi pada masa Daerah Operasi Militer (DOM) merupakan salah satu bentuk pelanggaran hak asasi adalah sangat buruk. Data yang diperolehi melalui interview, iaitu pelanggaran juga berlaku dengan cara perkosaan. Mangsa diperkosa secara paksa, malah ada juga yang dilakukan di hadapan anak dan suaminya.

Tindakan ini telah menghancurkan bukan sahaja kehormatan wanita Muslim Aceh, tetapi juga nilai-nilai kehidupan sosial mereka seperti mangsa merasa malu untuk bergaul dengan masyarakatnya sendiri. Kehormatan adalah salah satu daripada prinsip dan nilai hak asasi dalam Islam yang mesti dilindungi. Islam telah mengajarkan bahawa kehormatan itu mesti dimiliki oleh setiap manusia samada laki-laki mahupun perempuan.⁴

³ Abul 'Ala al-Maududi (1975), *The Islamic Law and Constitution*, Lahore, Islamic Publication Ltd, h. - 220

⁴ Ki Bagus hadikusumo (1994), *Islam sebagai dasar Negara dan Akhlak Pemimpin*, Jokjakarta, Pustaka Rahayu, h. 34

Manusia dilarang untuk saling mengganggu atau menghilangkan kehormatan orang lain dengan apa cara sekalipun, termasuk pemerkosaan wanita. Ini disampaikan Rasulullah dalam khutbah Haji Wada'. Hal ini telah disebutkan dalam Bab II, h. 20-21.

Sebagaimana yang telah diterangkan dalam bab II bahawa Islam mengakui adanya persamaan hak antara laki-laki dan perempuan dari segi kehormatan. Allah berfirman dalam surat al-Baqarah Ayat 228 :

وَالْمُطَلَّقَاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ وَلَا يَحِلُّ لَهُنَّ أَنْ يَكْتُمْنَ مَا خَلَقَ اللَّهُ فِي أَرْحَامِهِنَّ إِنْ كُنَّ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَبَعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ وَلِلرِّجَالِ جَالٍ عَلَيْهِنَّ دَرَجَةٌ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Ertinya : Wanita-wanita yang ditalak hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali quru. Tidak boleh mereka menyembunyikan apa yang diciptakan Allah dalam rahimnya, jika mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat. Dan suami-suaminya berhak merujukinya dalam masa menanti itu, jika mereka (para suami) itu menghendaki ishlah. Dan para wanita mempunyai hak yang seimbang dengan kewajibannya menurut cara yang ma'ruf. Akan tetapi para suami mempunyai satu tingkatan kelebihan daripada isterinya. Dan Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.

Dari ayat ini jelas, bahawa Allah telah memberikan hak dan kewajiban yang sama antara laki-laki dan perempuan dari segala aspek kehidupan.⁵ Contoh dalam kehidupan rumah tangga. Kepemimpinan laki-laki dalam rumah tangga tidak mutlak menurut Islam,-

⁵ Salim Ali al-Bahansawi (1995), *Asy-syari'ah al-Muftara 'alaiha*, Mesir, Al-Wafa' al-Manshurah, h. 192

sebab suami tidak mempunyai kewenangan untuk mengatur istri dalam mengawal harta peribadinya. Malah dalam urusan keluarga suami diarahkan untuk bermesyuarat dengan isteri.⁶

Dari sudut politik wanita juga mempunyai hak yang sama dengan laki-laki. Mengikut pendapat Mustafa Siba'i bahwa tidak ada nash yang melarang hak wanita untuk ikut serta dalam politik seperti masuk dalam perlimen. Akan tetapi wanita mesti menjauhkan diri dari hal-hal yang diharamkan Allah, seperti membuka aurat dan sebagainya. Ikhwanul Muslimin menerima wanita sebagai pemilih dan calon anggota perlimen dengan syarat tetap berpegang teguh kepada Syariah dalam berpakaian, bertutur kata dan berperilaku.⁷

Ulama lain iaitu Ibnu Taimiyah mengatakan bahawa wanita boleh menjadi imam keluarga (suaminya) bila keadaan menuntut demikian. Wanita juga boleh membacakan al-Quran, bilamana suaminya tidak dapat membacanya, di samping ianya boleh menjadi imam tarawih. Sebagaimana Rasulullah memberi izin kepada Ummu waraqah menjadi Imam ahli keluarganya dalam shalat, diazani oleh seorang Muazzin (laki-laki) dan ia mengimaminya dari belakang saf meskipun laki-laki menjadi makmumnya.⁸

⁶ Ibnu Hibban (t.t.), *Al-Ihsan fi Taqrib Shahih Ibnu Hibban*, Kitab Nikah, Juz IX, t.p, h. 365

⁷ Musthafa as-Siba'i (1960), *Isytirakiyyatu al-Islami*, Syria, t.p, Cetakan II, h. 380

⁸ Salim Ali al-Bahnasawi (1988), *Syubuhat Haula al-Fikr al-Islami al-Mu'ashir*, Mesir, Dar al-Wafa, h. 119-128

Dari beberapa penjelasan di atas teranglah bahawa laki-laki dan perempuan mempunyai kehormatan yang sama dalam Islam. Oleh yang demikian Islam sangat melarang melecehkan kehormatan kaum wanita, seperti kes perkosaan yang dialami oleh Khatijah (Seuneubok, Kabupaten Aceh Timur pada 25 March 1997), sebagai salah satu contoh pencabulan hak kehormatan bagi seorang wanita yang sangat bertentangan dengan syariah, dan pesalah itu mesti dihukum mengikut perundangan Islam.

Bentuk pelanggaran hak asasi lain yang sangat bertentangan dengan Islam ialah penyiksaan. Seperti kes yang dialami diantaranya oleh M. Yusuf Ali Basyah (Kampung Blang Bunot, kecamatan Bandar baru, Kabupaten Pidie, pada 5 januari 1993). Dan Umar Ibrahim (Kampung Cot Murong, Kecamatan Glumpang Tiga, Kabupaten Pidie, pada Jun 1991). Sebagai salah satu contoh tentang pelanggaran hak asasi yang bertentangan dengan Syariah. Sistem perundangan Islam telah mengatur tentang hukuman hudud iaitu qisas yang diberikan kepada pesalah yang melakukan penyiksaan. Sebagaimana Allah berfirman dalam Surat al-Maidah Ayat 45 :

وَكَتَبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ
وَالْأُذُنَ بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ فَهُوَ
كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ لَّمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Ertinya : Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (At Taurat) bahwasanya jiwa (dibalas) dengan jiwa, mata dengan mata, hidung dengan hidung, telinga dengan telinga, gigi dengan gigi, dan luka-luka (pun) ada kisasnya. Barangsiapa yang melepaskan (hak kisas) nya, maka melepaskan hak itu (menjadi) penebus

dosa baginya. Barangsiapa tidak memutuskan perkara menurut apa yang diturunkan Allah, maka mereka itu adalah orang-orang yang zalim.

Sebaik pelanggaran hak asasi dilakukan ke atas fisikal manusia, Daerah Operasi

Militer (DOM) juga menyaksikan pelanggaran dari sudut pencerobohan hak iaitu hak berpolitik di mana masyarakat Aceh dipaksa dengan kekuatan militer seperti menyiksa dan membunuh untuk memilih parti Golongan Karya (Golkar) yang merupakan parti pemerintah.⁹

Secara politik pemerintah telah menindas hak asasi rakyat Aceh secara sistematik dalam membuang undinya walaupun mereka berada dalam negara demokrasi. Padahal dalam Islam, Allah telah menganugerahkan hak kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat serta memilih pemimpin yang layak untuk melindungi dan memimpin masyarakat.

Rasullullah selama hidupnya telah memberikan kebebasan kepada kaum Muslimin dalam mengungkapkan pendapat dan fikiran walaupun berbeza dengan pendapatNya. Rasullullah telah mendidik keperibadian para sahabat-sahabatnya sehingga mereka dapat mengungkapkan perbezaannya dengan diri Rasullullah.¹⁰ Selama perang Uhud, bila Rasullullah meminta para sahabat untuk melawan musuh di dalam kota Madinah, mereka bertanya kepada beliau tentang pendapatnya itu, Rasullullah menjawab bahawa pendapat ini hanya pendapat peribadi bukan kehendak wahyu.

⁹ Wawancara dengan A. Hamid saroeng (Dekan I Fakulti Syariah Institut Agama Islam Negeri Banda Aceh) Banda Aceh, 15 Oktober 1999, wawancara dengan A. Halim Tosa (pensyarah Fakulti Syariah Institut Agama Islam negeri Banda Aceh), Banda Aceh, 10 Oktober 1999, wawancara dengan Azhari yahya (pensyarah Fakulti Undang-undang universiti syiah Kuala Banda aceh), Banda Aceh, 15 Oktober 1999

¹⁰ Syekh Syaukat Husain, *Op Cit* (1998), h. 72

Maka para sahabat mengeluarkan pikiran mereka bahawa sebaiknya musuh di hadapi di luar kota Madinah.¹¹ Peristiwa itu sebagai salah satu contoh mengenai kebebasan mengeluarkan pendapat dalam Islam yang merupakan wujud daripada hak asasi manusia.

Pelanggaran hak asasi yang lain yang terjadi pada masa operasi militer adalah pelanggaran hak ekonomi. Di mana pemerintah Indonesia telah mengambil seluruh hasil alam daerah Aceh dengan tidak membahagikan kekayaan itu untuk kesejahteraan rakyat Aceh. Oleh yang demikian pemerintah Indonesia telah berlaku tidak adil terhadap rakyat Aceh. Hal ini sangat bertentangan dengan Syariah. Sebagaimana firman Allah dalam Surat al-Hadid Ayat 25 :

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِالْبَيِّنَاتِ وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ
النَّاسُ بِالْقِسْطِ وَأَنْزَلْنَا الْحَدِيدَ فِيهِ بَأْسٌ شَدِيدٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَلِيَعْلَمَ
اللَّهُ مَنْ يَنْصُرُهُ وَرُسُلَهُ بِالْغَيْبِ إِنَّ اللَّهَ قَوِيٌّ عَزِيزٌ

Ertinya : Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan bersama mereka Al Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan. Dan Kami ciptakan besi yang padanya terdapat kekuatan yang hebat dan berbagai manfaat bagi manusia, (supaya mereka mempergunakan besi itu) dan supaya Allah mengetahui siapa yang menolong (agama) Nya dan rasul-rasul-Nya padahal Allah tidak dilihatnya. Sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Perkasa.

¹¹ Muhammad Sa'id Ramadhan Al-Buty (1977), *Fig al-Sirah : Dirasat Minhajiah 'ilmiyah li Siratil Mustafa*, Lebanon, Dar al-fikr, h. 485

Dari ayat ini jelaslah bahawa tujuan ditubuhkan sebuah negara yang berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah adalah memberikan keadilan kepada rakyatnya, seperti keadilan dalam aspek ekonomi.¹² Namun demikian bila Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh, pemerintah telah melakukan pencerobohan ini.

Padahal sejarah Islam telah mencatat, bahawa Rasullullah pernah mendapat tanah milik beberapa penduduk Madinah.sempena membangun sebuah Masjid dan beliau membayar ganti rugi kepada pemilik mengikut harga yang memadai. Meskipun mereka tidak meminta harga atas harta miliknya.¹³

Hak keadilan ini selalu dilindungi oleh Rasullullah sampai kepada sahabat-sahabat sesudahnya. Pada zaman Umar ibn al-Khattab, seorang petani Syria mengatakan bahawa pasukan Muslim telah menginjak-injak tanpa sengaja hasil pertaniannya. Kemudian beliau mengarahkan pasukannya untuk membayar puluhan ribu dirham kepada petani sebagai ganti rugi.

Imam Abu Hanifah mengatakan bahawa pemerintah tidak boleh mengambil harta dan tanah milik warganya secara tidak sah menurut undang-undang.¹⁴ Dari beberapa

¹² Abul 'Ala al-Maududui, *op.cit*(1993), h. 165

¹³ Naim Siddiqi (t.t), *Muhsini al-Insaniyyat*, Mesir, (t.p), h. 22

¹⁴ Amin Ashan Islahi (1983), *Islami Riyasat*, Lahore, (t.p), Jilid 4, h. 13

penjelasan di atas jelas bahwa hak asasi ekonomi berupa hak milik dijamin oleh Islam bagi setiap manusia dan masyarakat tanpa diskriminasi.¹⁵

Oleh yang demikian, pada masa Daerah Operasi Militer (DOM) 1989-1998, pemerintah dengan kekuatan militernya telah merampas seluruh kekayaan Aceh secara paksa dengan maksud untuk memiskinkan rakyat Aceh. Hal ini sangat bertentangan dengan Syariah yang melindungi hak-hak ekonomi rakyat sebagai wujud dari perlindungan hak asasi manusia dalam Islam.

5.3. Penilaian Pelanggaran Hak-hak asasi Manusia dari sudut Perlembagaan Negara Republik Indonesia

Dalam perlembagaan (Konstitusi) induk negara Indonesia iaitu Undang-undang Dasar 1945, mengandungi penjelasan yang terang tentang hak-hak asasi manusia, sama ada hak-hak asasi manusia dalam politik, ekonomi, mahupun hak-hak asasi manusia dalam sosial atau kemasyarakatan seperti hak mendapat kehidupan yang layak dan kehormatan diri. Iaitu sebagaimana diperuntukkan dalam fasal 27, 28, 31, 33, dan 34 Undang-undang Dasar 1945.

Namun apa yang terkandung dalam perlembagaan induk tersebut hanya tulisan sahaja, dengan pelaksanaan yang begitu diragui. Ini disebabkan oleh bentuk pelanggaran hak asasi manusia yang berlaku di beberapa tempat di Indonesia,

¹⁵ Muhammad 'Ammarah (t.t), *Huquq al-Insan Fil Islam*, Kuwait, 'Alam al-Ma'rifah, h. 15

termasuk yang paling buruk adalah di daerah Aceh selama Daerah Operasi Militer (DOM) tahun 1989-1998.

Dari sudut sosial iaitu hak untuk hidup dengan aman, patut dan bebas, bagi masyarakat Aceh telah hilang sejak Daerah Operasi Militer (DOM) berlaku, kerana telah sering terjadi pencerobohan seperti pembunuhan, penganiayaan dan perkosaan, secara umum sangat bertentangan dengan perlembagaan negara Indonesia yakni Pasal 27 ayat 2 Undang-undang Dasar 1945 yang menjelaskan bahawa:

“seluruh warga negara berhak atas penghidupan yang layak bagi kemanusiaan”

Menurut Azhari Yahya (Pensyarah pada Fakulti Undang-undang universiti Syiah Kuala Banda Aceh) bahawa kehidupan yang layak menurut undang-undang ialah hak hidup dengan aman tanpa sebarang gangguan, pencerobohan dan pelecehan hak asasi. Hak untuk mendapat perlindungan undang-undang dalam hidup.¹⁶

Fasal tentang pembunuhan, penganiayaan dan perkosaan tidak disebutkan secara khusus dalam Undang-undang dasar 1945. namun bentuk-bentuk jinayah ini termaktub dalam Kitab Undang-undang Hukum Pidana (KUHP). Dan penulis sekarang hanya bertumpu pada Undang-undang Dasar 1945 sahaja.

¹⁶ Wawancara dengan Azhari Yahya (Pensyarah pada Fakulti Undang-undang Universiti syiah Kuala banda Aceh), Banda Aceh, 15 Okteber 1999

Kalau diperhatikan kes-kes pelanggaran hak asasi di Aceh, teranglah sudah bahawa mangsa dari penganiayaan, perkosaan dan keluarga mangsa sentiasa tidak akan memperolehi "kehidupan yang layak" seperti yang digariskan dalam Undang-undang Dasar 1945 Pasal 27 Ayat 2 sebagaimana tersebut di atas, mereka akan hidup miskin, menderita, mengalami tekanan jiwa dan rasa takut yang mendalam.¹⁷

Pembunuhan pada masa Daerah Operasi Militer (DOM) juga berlaku, disebabkan oleh kekuatiran akan kalahnya parti Golkar seperti di dalam pilihan raya tahun 1992 dan 1997 yang telah mengorbankan beribu-ribu rakyat Aceh. Walaupun punca kematian diragui dan boleh dinafikan oleh militer, namun kepercayaan masyarakat Aceh tetap mengatakan bahawa ia berpunca dari tindakan Daerah Operasi Militer (DOM).

Di dalam perlembagaan negara Indonesia juga disebutkan hak warga negara iaitu kebebasan berfikir dan mengeluarkan pendapat serta hak untuk pertemuan dan bersyarikat. Dimana hak-hak ini tak boleh dikurangi sedikitpun. Undang-undang Dasar 1945 pasal 28 menyatakan bahawa :

“ Kemerdekaan berserikat dan berkumpul, mengeluarkan pikiran dengan lisan dan tulisan dan sebagainya ditetapkan dengan undang-undang.”

¹⁷ *Wawancara dengan A. Halim Tosa* (Pensyarah Pada Institut Agama Islam Negeri Banda aceh), Banda Aceh, 10 Okteber 1999

Namun bila DOM wujud di Aceh, kemerdekaan mengeluarkan pendapat bagi masyarakat Aceh telah hilang. Pemaksaan dalam setiap pilihan raya juga sangat bertentangan dengan salah satu asas pilihan raya iaitu LUBER (Langsung, Umum, Bebas dan Rahsia).¹⁸

Peruntukan fasal 28 Undang-undang Dasar 1945 ini sebenarnya salah satu daripada idea dasar demokrasi Indonesia. sebagai hak tiap orang yang harus dihormati dalam kehidupan bermasyarakat, berbangsa dan bernegara.¹⁹ Undang-undang Dasar 1945 tidak menjelaskan secara khusus tentang kebebasan mengundi dan hak berpolitik.

Dalam hak warga negara, prinsip persamaan dan kebebasan ditetapkan dalam pembukaan Undang-undang Dasar 1945 para pertama iaitu :

“ Bahwa sesungguhnya kemerdekaan itu adalah hak segala bangsa dan oleh sebab itu penjajahan diatas di dunia harus dihapuskan kerana tidak sesuai dengan perikemanusiaan dan peri keadilan.”

Menurut pernyataan ini, semua orang mempunyai persamaan hak dan kebebasan, yang merupakan hak-hak universal manusia.²⁰ Oleh kerana itu, prinsip persamaan juga dinyatakan dalam pasal 27 ayat 1 Undang-undang Dasar 1945,

¹⁸ Wawancara dengan Saifuddin Bantasyam (Pensyarah pada Fakulti Undang-undang Universiti Syiah Kuala Banda Aceh), banda aceh, 15 Okteber 1999

¹⁹ AM.Saefuddin (1996), *Ijtihad Politik Cendekiawan Muslim*, Jakarta, Gema Insani Press, h. 22.

²⁰ Wawancara dengan Rusydi Ali Muhammad (Dekan fakulti Dakwah Institut Agama Islam Negeri Banda aceh), Banda Aceh, 11 Okteber 1999, Beliau sekarang adalah Rektor Institut Agama Islam negeri Banda Aceh.

“ Setiap warga negara bersamaan kedudukan didalam undang-undang dan pemerintahan dan wajib menjunjung undang-undang dan pemerintahan dengan tidak ada kecualinya.”²¹

Namun demikian pelaksanaan undang-undang dan pemerintahan di Indonesia masih menurut keinginan penguasa, undang-undang yang sebenarnya harus ditegakkan tapi dipermainkan dengan mudahnya. Sebagai contoh pelanggaran hak asasi di Aceh, seperti pembunuhan penganiayaan dan perkosaan, namun tidak ada seorangpun pesalah-pesalah itu dibawa ke mahkamah.

Hal ini disebabkan oleh terbabitnya sebuah institusi besar dalam tindakan pencerobohan hak asasi di Aceh iaitu Angkatan bersenjata republik Indonesia (ABRI). Ini terbukti bahawa kedudukan undang-undang di Indonesia perlu diperhatikan lagi. Hal ini sangat bertentangan dengan pasal 27 ayat 1 di atas yang menerangkan tentang “ *kedudukan yang sama di hadapan undang-undang tanpa kecuali*”. Dengan kata lain siapapun yang melakukan pencerobohan harus dihukum mengikut undang-undang yang berlaku.

Ketika Daerah Operasi Militer (DOM) diberlakukan, pemerintah telah melakukan pencerobohan hak asasi termasuk juga pemerintah telah mengambil seluruh hasil alam daerah Aceh dan dibawa -ke Pulau Jawa untuk memperkaya

²¹ Muhammad Thahir Azhari (1992), *Negara Undang-undang : Suatu Studi Tentang Prinsip-prinsipnya dilihat dari Segi Undang-undang Islam, implementasinya pada periode negara madinah dan masa kini*, Jakarta, Bulan Bintang, h. 148-149

keluarga dan sahabat-sahabatnya. Hak-hak ekonomi masyarakat Aceh telah dihilangkan.

Yang sangat menyedihkan lagi adalah ketika sudah dimulai pembinaan kilang pencairan gas alam pada tahun 1971 di Lhokseumawe Aceh Utara. Dan pada masa itu Aceh menjadi daerah industri terbesar di Indonesia, tidak ada satupun dari masyarakat Aceh yang menjadi pimpinan kilang tersebut, melainkan menjadi pekerja-pekerja kasar (kuli).

Dan menurut data statistik daerah Aceh menjadi daerah yang paling banyak memiliki kampung miskin setelah Jawa tengah. Dan malangnya Aceh utara di mana tempat ditemukan kekayaan alam itu menjadi daerah yang memiliki kampung miskin terbanyak di Aceh.²²

Pembinaan kilang tersebut membuat masyarakat Aceh yang tinggal sekitarnya menjadi *culture shock*. Kerana pembinaan kilang itu dilakukan secara cepat, tidak cukup waktu mempersiapkan masyarakat untuk siap menerima dan ikut serta dalam pembinaan ini.²³ Hal ini bertentangan dengan perlembagaan (konstitusional) induk negara Indonesia iaitu Undang-undang Dasar 1945, pasal 33 Ayat 1 dan Ayat 3 yang maksudnya bahawa

²² Al -Chaidar (1998), *Aceh Bersimbah Darah*, Jakarta. Pustaka Al-Kausar, h. 34

²³ Aceh Bersimbah darah, *Ibid*, h. 13.

“perekonomian disusun sebagai usaha bersama berdasar atas asas kekeluargaan dan bumi serta air dan kekayaan alam yang terkandung di dalamnya dikuasai oleh negara dan dipergunakan untuk sebesar-besar kemakmuran rakyat.”

Kedaaan hak asasi sekarang ini sangat menyedihkan, keadaan tersebut hanya dapat diatasi bila diadakan reformasi dipelbagai bidang, samaada bidang politik, ekonomi, mahupun bidang sosial kemasyarakatan.²⁴ Salah satu perkembangan yang negatif yang terjadi di Indonesia sekarang ini ialah masih tidak adanya kesadaran daripada pemimpin Indonesia untuk melaksanakan hak sosial kemasyarakatan, khususnya di Aceh.

Sejak penerapan Daerah Operasi Militer (DOM) 1989-1998, hak sosial kemasyarakatan masyarakat Aceh telah dihilangkan oleh pemerintah Indonesia. Sebenarnya pemerintah mesti sedar bahawa hak asasi bidang sosial itu adalah milik setiap warga negara. Sebab itu adalah sebagai prinsip sila ke 5 dari daripada Pancasila yang merupakan pandangan hidup bangsa Indonesia dinyatakan “keadilan sosial” itu adalah sebagai tujuan menubuhkan republik Indonesia ini.²⁵

Salah satu aspek daripada hak sosial itu adalah mendapatkan pendidikan yang memadai. Namun demikian di Aceh dari tahun 1989-1998 mengalami trauma yang begitu teruk sekali yang mengakibatkan pelbagai macam aktiviti tidak terlaksana dengan baik, termasuk bidang pendidikan.

²⁴ Al-Chaidar (1998), *Reformasi Prematur*, Jakarta, Al-Kausar, h. 77.

²⁵ Nurcholis Madjid (1993), *Islam Kerakyatan dan Keindonesiaan*, Jakarta, Al-Mizan, h. 62

Masyarakat tidak lagi memberikan pendidikan kepada anak-anaknya di madrasah, sekolah-sekolah dan universiti-universiti yang ada, kerana orang tuanya telah dibunuh dan ibunya telah diperkosa akibatnya pembelajaran mereka telah terganggu.

Daripada pihak pemerintah sendiripun telah melakukan diskriminatif terhadap Aceh tentang pendidikan, lebih-lebih pada masa Daerah Operasi militer (DOM), di mana pemerintah tidak pernah memberikan kesempatan yang luas kepada masyarakat Aceh untuk belajar, terutama sekali ke Luar negeri.

Pemerintah Indonesia lebih mengutamakan kepada masyarakat Jawa untuk belajar ke luar negeri. Padahal daerah Aceh mempunyai keistimewaan dibidang pendidikan disamping bidang agama dan kebudayaan²⁶. Perlakuan pemerintah Indonesia ini bercanggah dengan perlembagaan Undang-undang Dasar (UUD) 1945 pasal 31 iaitu

“setiap warga negara berhak mendapatkan pendidikan, pemerintah mengusahakan dan menyelenggarakan satu sistem pengajaran nasional, yang diatur dengan undang-undang”

Dalam perlembagaan negara Indonesia iaitu Pancasila dan Undang-undang Dasar 1945 telah dijelaskan bahawa nilai-nilai kemanusiaan itu harus dilindungi dan tidak boleh memperlakukannya dengan semena-mena. Dalam perlembagaan-

²⁶ Wawancara dengan *Hasamuddin Yusuf Adan* (Pensyarah Institut Agama Islam Negeri Banda aceh), Banda Aceh, 19 Oktober 1999

Indonesia telah dijelaskan pula tentang kehormatan yang dimiliki oleh setiap manusia seperti kehormatan dalam undang-undang, tidak ada perbezaan antara laki-laki dan perempuan, antara masyarakat awam dengan pemerintah.

Dalam hubungan itu,²⁷ jika pelaku pelanggaran hak asasi manusia di Aceh 1989-1998 sudah terbukti bersalah, mereka harus dihukum sesuai dengan undang-undang yang berlaku.

Namun realitinya di Indonesia, bila undang-undang sudah berhadapan dengan pemerintah, maka undang-undang tidak boleh berbuat apa-apa, inilah yang dinamakan dengan diskriminasi undang-undang yang menjadi salah satu sebab jatuhnya rezim Soeharto pada tanggal 21 Mei 1998.²⁷

Pemerintah harus bertanggung jawab dengan peristiwa Daerah Operasi Militer (DOM) di Aceh, Pemerintah sampai sekarang tidak mengembalikan hak-hak sosial kemasyarakatan yang telah dihilangkan dengan memberi derma kepada anak-anak yatim korban Daerah Operasi Militer (DOM), kerana hal ini sesuai dengan perlembagaan Undang-undang Dasar 1945 pasal 34 yang menyatakan tentang hak pemerintah untuk peduli terhadap anak-anak yatim iaitu :

“Fakir miskin dan anak-anak terlantar dipelihara oleh negara”.

²⁷ *Wawancara dengan Alyasa' Ahubakar* (pensyarah Institut Agama Islam Negeri Banda aceh), Banda aceh, 23 Oktober 1999

Itulah beberapa penilaian terhadap pelanggaran hak asasi manusia di Aceh tahun 1989-1998 mengikut perlembagaan Indonesia iaitu Undang-undang dasar 1945. Penilaian yang telah tersebut di atas hanya bertumpu pada : Pasal 27 Ayat 1 dan 2, Pasal 28, Pasal 31, Pasal 33 dan pasal 34.

5.4. Kesimpulan

Dari huraian-huraian di atas dapat diambil beberapa kesimpulan bahawa Syariah telah mengatur seluruh aspek kehidupan manusia termasuk aspek yang sangat penting ialah tentang perlindungan hak asasi manusia. Namun bila DOM wujud tahun 1989-1998 telah terjadi pelanggaran hak asasi yang sangat buruk yang bertentangan dengan Syariah seperti pembunuhan, penyiksaan dan perkosaan.

Dalam kes pembunuhan dan penyiksaan, Allah telah melarang melakukan pembunuhan dan penyiksaan tanpa hak. Malah hak mendapat perlindungan hak asasi diperolehi dari sistem perundangan Islam iaitu qisas. Hak untuk hidup terpelihara apabila seorang yang membunuh atau mencederakan akan dibalas bunuh dan dengan kecederaan kecuali jika dimaafkan oleh keluarga kepada mangsa. Maka pesalah akan dikenakan diat.

Bentuk pencerobohan lain adalah perkosaan terhadap wanita. Tindakan ini sangat bertentangan dengan syariah. Kerana Islam sangat melindungi hak kehormatan

sama ada laki-laki mahupun perempuan. Pada asasnya laki-laki dan perempuan mempunyai hak yang sama dalam kehormatan. Misalnya dalam sebuah rumah tangga, seorang suami tidak boleh mengatur isterinya secara sewenang-wenang. Suami juga harus bermesyuarat dengan isterinya dalam urusan keluarga.

Oleh yang demikian kehormatan seorang wanita itu tidak boleh diganggu dan dihilangkan, kerana itu adalah nilai yang sangat penting dalam hak asasi manusia Islam. Apalagi Rasullulah pernah mengatakan dalam khutbah Haji wada'Nya : "seorang yang mengganggu kehormatan orang lain akan dihukum".

Dalam perlembagaan Indonesia iaitu Undang-undang Dasar (UUD) 1945 juga mengandungi penjelasan secara umum tentang hak asasi manusia sama ada hak asasi dalam politik, ekonomi dan sosial. Namun penjelasan ini hanya tulisan sahaja, tanpa adanya aplikasi dalam kehidupan berbangsa dan bernegara.

Kerana hal ini disebabkan masih berlakunya pelanggaran hak asasi manusia seperti di Aceh pada tahun 1989-1998. Seperti pembunuhan, penyiksaan dan perkosaan yang dilakukan oleh tentera Indonesia, sangat bertentangan dengan Undang-undang dasar 1945 Fasal 27 ayat 2 iaitu : " setiap warga negara berhak mendapat penghidupan yang layak bagi kemanusiaan".

Oleh yang demikian mangsa dan keluarga kepada mangsa tidak pernah mendapat kehidupan yang aman dan bebas kerana mereka mengalami ketakutan yang mendalam dan tekanan jiwa.

Dari segi pencerobohan politik, masyarakat Aceh dipaksa untuk memenangi parti pemerintah dalam setiap pilihan raya berlangsung. Hal ini bercanggah dengan Fasal 28 Undang-undang dasar 1945 iaitu : " kemerdekaan berserikat dan berkumpul, mengeluarkan pikiran dengan lisan dan tulisan dan sebagainya ditetapkan dengan undang-undang".

Dari segi ekonomi, pemerintah telah mengambil kekayaan alam aceh sehingga masyarakat Aceh menjadi miskin dan menderita. Hal ini bertentangan dengan Fasal 33 Ayat 1 dan Ayat 3 Undang-undang dasar 1945 iaitu : " Perekonomian disusun sebagai usaha bersama berdasar atas asas kekeluargaan dan bumi, air serta kekayaan alam yang terkandung di dalamnya dikuasai oleh Negara dan dipergunakan untuk sebesar-besar kemakmuran rakyat".

Dari segi sosial, Daerah Operasi Militer telah mengakibatkan hilangnya pendidikan bagi anak-anak di Aceh terutama bagi anak-naka mangsa DOM. Hal ini bertentangan dengan Fasal 31 Undang-undang dasar 1945 iaitu : " Setiap warga negara berhak mendapat pendidikan". Manakala dalam fasal 34 Undang-undang dasar 1945 di sebutkan bahawa : " Fakir miskin dan anak-anak terlantar dipelihara oleh negara". Maka sudah sepatutnyalah pemerintah memberi perhatian khusus

kepada mereka dari segi kehidupan sosial seperti pendidikan, santunan, beasiswa dan sebagainya.